

Rumah Hijau juara Olahraga SK Lubok Temiang 2020

LABUAN: Rumah Hijau berjaya mengekalkan gelaran juara keseluruhan Kejohanan Olahraga Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT), Wilayah Persekutuan Labuan Ke-18 2020 yang diadakan di Kompleks Sukan Labuan, baru-baru ini.

Naib johan Rumah Merah, ketiga Rumah Kuning dan Rumah Biru di tempat keempat.

Rumah Hijau terus cemerlang apabila diumumkan sebagai juara pertandingan perbarisan, kedua Rumah Kuning, ketiga Rumah Merah dan keempat Rumah Biru.

Maskot Terbaik diberikan kepada Rumah Merah manakala Komander

Terbaik dimenangi Rumah Hijau menerusi Adam Khairin Asmali @ Faizal.

Atlet Rumah Hijau, Adam Khairin Asmali @ Faizal yang juga murid Tahun 6 Arif dinobatkan sebagai Olahragawan SKLT 2020 selepas meraih 4 pingat emas.

Manakala gelaran Olahragawati SKLT 2020 disandang atlet Rumah Merah, Hizuanie Mohd Hazlan (6 Arif).

Atlet Harapan Lelaki pula menjadi milik atlet Rumah Kuning, Joeharrey Noh Joraimé manakala Atlet Harapan Perempuan diraih Norfadzilah Kalanla dari Rumah Hijau.

Majlis perasmian penutup dan

penyampaian hadiah disempurnakan oleh Penolong Pengarah Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Labuan, Joe Hellmy Jumat.

Turut hadir Guru Besar SK Lubok Temiang, Haji Adam Abdul Rahim, Penolong Kanan Pentadbiran, Roslan Mohamad, PK Hal Ehwat Murid, Sunah Tahir dan PK Kokurikulum, Rahman Jaafar serta Yang Dipertua PIBG, Mohd Dzulfaizal Ab Manan.

Sementara itu, Haji Adam berharap menerusi program sukan seperti itu bukan sahaja akan melahirkan barisan atlet yang berwibawa tetapi juga memiliki disiplin yang tinggi untuk mewakili sekolah dan Labuan.



JUARA... Joe Hellmy (dua kiri) dan Haji Adam (tiga kanan) bersama atlet dan guru Rumah Hijau menjuarai Kejohanan Olahraga SKLT 2020.



OLAHRAGAWAN... Adam Khairin dan Hizuanie selaku Olahragawan dan Olahragawati SKLT 2020 bersama Joe Hellmy (dua kiri) dan Haji Adam.



HARAPAN... Olahragawan dan Olahragawati Harapan, Joeharrey Noh dan Norfadzilah bersama Joe Hellmy (dua kiri) dan Haji Adam.